

Peranan Tauhid Tasawuf
Dalam Memperadabkan Ummah:
Pengalaman Nusantara

Oleh:

Tun Suzana Tun Hj Othman
Pertubuhan Kesedaran Melayu & Islam

Peranan Tauhid Tasawuf Dalam Memperadabkan Ummah:
Pengalaman Nusantara

Topik	Ms
1. Dakwah Islamiyah & Diaspora Ulama ke Nusantara ...	3
2. Alim-Ulama Sufi yang Awal di Nusantara	5
3. Perkembangan Ilmu Tasawuf di Nusantara	12
4. Tasawuf & Peradaban Nusantara	20
5. Bibliografi	29

Dakwah Islamiyah & Diaspora Ulama ke Nusantara

Allah s.w.t berfirman yang maksudnya: *“Tiada sekali-kali Kami utuskan akau dikau melainkan untuk membawa rahmat ke seluruh alam.”* (Al-Anbiya’:107)

“Kamu adalah ‘khaira-ummatin’, umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, kamu menyuruh berbuat kebaikan dan kamu melarang dari kejahatan dan kamu beriman kepada Allah.”
(Aali Imran:110)

Sebagai umat kepada Nabi yang menjadi penutup bagi sekalian anbiyya’, umat Islam telah diperintahkan Allah untuk menyambung tugas penyebaran Islam sebagai suatu tanggungjawab agama yang amat penting. Hal ini juga telah dihasratkan oleh Rasulullah ﷺ sendiri, agar seruan dakwah ilal-‘Lah dapat sampai ke seluruh alam sesuai dengan peranan baginda sebagai *Rahmatulil ‘Alamin*.

Baginda pernah bersabda: *“ Sesungguhnya tugas dakwah itu akan sampai di mana saja di dunia, dari tempat terbit matahari sehingga tempat tenggelam matahari (timur dan barat). Dan Allah SWT tidak akan mengecualikan sebarang kediaman, samada dibuat dari tanah atau rumput dari rahmat ini (yakni agama), yang mana (Allah) memberi kemuliaan sesiapa yang menerimanya dan kehinaan bagi sesiapa yang menolaknya. Allah memberi kemuliaan kepada Islam dan penyokongnya dan memberi kehinaan kepada orang kafir.”*

Oleh kerana sesudah kewafatan Rasulullah ﷺ tiada lagi utusan samada Nabi atau Rasul, maka yang tinggal hanyalah golongan umara ataupun para penguasa umat Islam serta ulama sebagai pembimbing agama yang menjadi *Warathatul-Anbiyya’*, mereka berkongsi tanggungjawab dalam mensyiarkan Islam mengikut peranan masing-masing.

Sesungguhnya perintah Allah SWT dan hasrat RasulNya ﷺ telah menjadi pendorong utama kepada para sahabat, tabiin, taba’ tabiin serta para khalifah, pemimpin dan alim-ulama untuk menyampaikan risalah Islam dengan penuh semangat, kegigihan dan keikhlasan. Tugas dakwah dibuat secara sambung-menyambung oleh mubaligh-mubaligh agama yang merantau ke serata pelosok dunia, mencetuskan tebaran ataupun diaspora golongan mereka yang mampu dimenafaatkan di mana-mana tempat yang dikunjunginya.

Khalifah-khalifah dan kepimpinan umat Islam bermula dari zaman Khulafa'-ur-Rashidin, Bani Umaiyyah, Abbasiyyah dan Othmaniyyah, mahupun Syarif-syarif Mekah yang memerintah dua Haramain, yakni kota suci Mekah dan Madinah mengambil tanggungjawab menghantar golongan mubaligh ke merata tempat, samada melalui jalan darat mahupun jalan-jalan perdagangan laut. Apatah lagi di zaman pemerintahan khalifah-khalifah Umaiyyah dan Abbasiyyah, yang mana lalu lintas perdagangan diantara Lautan Hindi dengan Asia Timur telah jatuh ke dalam genggamannya umat Islam.

Prof Hamka dalam bukunya *Sejarah Umat Islam* hlm 425 menyebut: *“Teranglah bahawa sampai kepada abad ke 15, sebelum munculnya bangsa Portugis, perniagaan di Lautan Hindi sampai ke Tiongkok, melalui pulau-pulau Melayu adalah seluruhnya di tangan Arab. Bahkan Alfonso de Albuquerque ketika hendak menyerang Melaka dan dalam pertualangannya membuka pusat perniagaan di Goa (India), telah memakai penunjuk jalan orang-orang Arab.”*

Pedagang dan pelaut Arab yang belayar ke Tiongkok mesti melintasi Selat Melaka lalu singgah di pelabuhan-pelabuhan di pesisiran pantai Selat Melaka, kemudian terus menuju ke pelabuhan-pelabuhan lain di Gugusan Pulau-Pulau Melayu. Sejarahwan dan pengembara Arab pada abad ke 8-10 Masihi seperti Ibn Khurdadhbih, Baladhuri, Tabari, Abu Zaid dan Abu Dulaf telah memberikan banyak maklumat tentang tempat-tempat dan pelabuhan-pelabuhan yang dikunjungi oleh pedagang dan pengembara Arab pada zaman awal Islam.

Berdasarkan maklumat-maklumat seperti ini, delegasi peninjau telah dihantar oleh khalifah dan belakangan, pada masa dan tempat yang sesuai, disusuli pula dengan kunjungan delegasi dakwah sepertimana yang telah berlaku di wilayah Pasai, Jawa dan Melaka.

Alim-Ulama Sufi yang Awal di Nusantara

Sejarah penyebaran Islam di Nusantara terkumpul pelbagai bukti-bukti bahawa seawal abad ke 7 hingga ke 9 Masihi akidah yang dianuti oleh penduduk Nusantara merupakan akidah salaf yang bersanad terus kepada Rasulullah ﷺ sendiri. Walaupun terdapat percanggahan pendapat tentang Islam yang wujud di Nusantara selepas abad ke 9 Masihi, iaitu samada dari golongan Syiah atau Ahli Sunnah wal Jamaah, namun pendapat yang dominan adalah mengikut fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah.

Hal ini dapat dibuktikan dari nama-nama serta latarbelakang alim-ulama yang datang, pengajian dan kitab-kitab yang mereka bawa dan ajar kepada masyarakat tempatan, jelas merujuk bukan sahaja tentang bentuk fahaman yang diterapkan kepada masyarakat Nusantara (iaitu fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah), sekaligus merujuk golongan ini sebagai alim-ulama sufi dan tarekat-tarekat muktabar. Mereka berperanan penting bukan sahaja dalam memesatkan proses Islamisasi sekaligus menegakkan syiar Islam di Nusantara, malahan sambung-menyambung pada zaman Islam telah bertapak kukuh dengan terus menajamkan kesedaran rohaniyah serta kekuatan batiniyah sehingga dimenifestasikan dalam berbagai sisi kehidupan masyarakat di seluruh pelosok rantau ini. Sesungguhnya perkembangan sufiisme dan tarekat ini telah berhasil dimenafaatkan apabila Nusantara menghadapi ancaman penjajahan dan kristianisasi dari Barat seperti Portugis, Sepanyol, Belanda dan British.

Contohnya, dalam kerajaan Peurlak yang disebut sebagai antara kerajaan Islam paling awal di Nusantara pada abad ke 9 Masihi, seorang ulama dari Yaman, iaitu Syeikh Abdullah Kanaan dirujuk sebagai antara tokoh awal yang datang ke sana, sehingga berhasil mendirikan zawiyah¹ pertama di Nusantara, iaitu Zawiyah Cot Kala

¹Zawiyah berasal dari bahasa Arab (kata nama tunggal) bermakna sesuatu yang sempurna berbentuk segi empat, seperti rumah yang mempunyai empat penjuru. Zawiyah memperlihatkan tautan pusat ilmu dan kiblatnya kepada Haramayn kerana di setiap sudut tiang masjid Haramayn (Mekah & Madinah) itu bernama zawiyah yang terdapat kegiatan ilmiah seperti majlis halaqah ilmu, amalan dan sebagainya. Pengertian 'zawiyah' (di bahagian tengah dunia Islam) sinonim dengan 'khanaqah' (di bahagian timur Islam seperti Farsi dan India), 'ribat' di Afrika Utara dan 'tekke' di Turki. Ini jelas merujuk bahawa yang menyebarkan Islam di Alam Melayu adalah dari golongan alim-ulama sufi sunni dari bahagian tengah dunia Islam. Istilah zawiyah kemudian telah diubah oleh sejarahwan Ali Hasjmy kepada dayah setelah Aceh ikut bergabung merdeka dengan Indonesia.

yang bertaut sanadnya kepada zawiyah Syeikh tersebut di Yaman, terus bersambung sanadnya kepada Haramayn (Mekah & Madinah). Dari zawiyah ini langsung membina jaringan para mubaligh awal yang menyebarkan islam ke seluruh pelosok Alam Melayu.

Menurut Abdul Rahman Hj Abdullah dalam *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, hlm 103, beliau menyebut:

“ Suatu jasa yang terbesar dengan terdirinya kerajaan Peurlak ini ialah tertubuhnya pusat-pusat pendidikan Islam yang dikenali dengan nama Dayah. Pada zaman Sultan Sayyid Maulana Abdul Rahim Syah (864-888M) iaitu raja Peurlak yang kedua, didirikan Dayah Bukit Ce Breek. Dan pada zaman Sultan Sayyid Maulana Abbas Syah (888-913M) iaitu raja Peurlak yang ketiga, didirikan pula Dayah Cot Kala. Di antara gurunya (ulama) yang terkenal ialah Muhammad Amin Syah yang kemudian menjadi raja Peurlak yang keenam dengan gelaran Sultan Muhammad Amin Shah Johan Berdaulat (922-946M).”

“ Dengan terdirinya pusat-pusat pendidikan Islam yang bernama Dayah, berasal dari istilah Arab ‘Zawiyah’,-maka lahirlah para ulama yang nanti merupakan kader-kader dakwah yang memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di seluruh Nusantara.”

Hakikatnya dari awal lagi Kesultanan Peurlak yang lahir pada 1 Muharram 225 Hijrah bersamaan tahun 840 Masihi, telah sedia membangunkan sebuah institusi pendidikan Islam dengan matlamat mewujudkan para kader agama yang terlatih baik sekaligus mempunyai kearifan lokal, demi menjamin kelangsungan usaha dakwah dan tarbiyah Islamiyyah pada kerajaan-kerajaan lain di Nusantara yang rata-rata masih belum mengenal Islam, apatah lagi bersedia untuk menjadi penganutnya.

Selain mempersiapkan para kader dakwah, rakyat juga perlu diberi peluang untuk menjadi 'celik ilmu' dan dicerdaskan, berubah wajah daripada menganut 'budaya jahiliyah' kepada 'budaya bertamadun dan beradab' seperti yang dituntut oleh Islam. Maka langkah paling penting yang diambil oleh Kesultanan Peurlak mahupun daulah-daulah Islamiyyah yang lahir kemudian di Alam Melayu ini ialah mendirikan pusat-pusat pendidikan Islam.

²Sultan Muhammad Amin Shah ini merupakan bekas alumni Masjidil Haram di Mekah

Maka didirikanlah madrasah, iaitu pusat pendidikan Islam dalam setiap kampung di Peurlak, di masa-masa kemudian nanti berubah menjadi meunasah dalam loghat Aceh. Pada setiap mukim pula didirikan zawiya, sehingga terdirilah banyak madrasah-madrasah dan zawiya-zawiya di seluruh wilayah Kesultanan Peurlak.

Sebagai kemuncaknya, sekitar tahun 912 Masihi, seorang kerabat diraja Peurlak dari titisan Makhdum Djohan Berdaulat yang bernama Teungku Muhammad Amin telah membina Pusat Perguruan Tinggi Agama Islam yang pertama di Asia Tenggara bernama Zawiya Manyang Cot Kala. Teungku Muhammad Amin ini kemudian diangkat menjadi Raja Peurlak yang ke-6 dengan gelaran Sultan Alaidin Malik Muhammad Amin Syah Johan Berdaulat (922-946M)³.

Institusi zawiya yang pertama kali didirikan di bahagian dunia sebelah sini, iaitu dalam Kesultanan Peurlak bermula pada abad ke 9 Masihi memainkan peranan yang cukup penting, antaranya sebagai pusat beramal ibadat, pengajian kitab-kitab yang bersanad, penyalinan dan penulisan kitab-kitab, memberi ijazah amalan dan tarekat rohaniyyah. Sehingga membuahkan hasil yang cukup lumayan dengan terjananya generasi demi generasi kader-kader agama yang dapat dihantar berdakwah ke merata-rata tempat, dan mereka ini membina lagi zawiya-zawiya di tempat-tempat yang dikunjungi sehingga semaraklah perkembangan Islam di seluruh Alam Nusantara ini.

Antara contoh alumni-alumni zawiya ialah Maulana Ishak, Maulana Syarif Hidayatullah (Sunan Gunung Jati) dan Sunan Bonang yang dihantar untuk berdakwah di Kepulauan Jawa, Maulana Abu Bakar yang dihantar ke Kesultanan Melaka, Syeikh Ampon Tuan ke Kerajaan Teumiang di Aceh Timur, Syeikh Jakub dalam Kerajaan Samudera-Pasai, Syeikh Sirajuddin ke Kerajaan Lingga di Aceh Tengah dan ramai lagi.

Dengan terdirinya zawiya-zawiya yang dibina oleh utusan-utusan ini juga membuka peluang kerjasama yang lebih erat diantara para mubaligh sehingga lebih giatlah perkembangan Islam sekaligus memartabatkan golongan atasan dan masyarakat dengan budaya pengajian ilmu. Antara contoh zawiya yang dibina adalah zawiya

³A Hasjmy, *Adat Melayu Aceh*; Kertas Kerja Kongres Adat Melayu Serantau/Serumpun, PERZIM, Melaka, 9-11 Sept 1996, hlm 33-34

Blang Peria oleh Syeikh Jakub dalam Kesultanan Samudera-Pasai, zawiya Batu Karang oleh Teungku Ampon Tuan dalam Kerajaan Teumiang, zawiya Seuruleu oleh Syeikh Sirajuddin dalam Kerajaan Lingga.

Melalui usaha dakwah yang dibuat oleh alim-ulama yang dihantar daripada institusi zawiya serta program-program kerjasama diantara zawiya-zawiya dari berbagai tempat ini, bukan sahaja telah menerbitkan bibit-bibit kesedaran agama yang tinggi sehingga memudahkan penerimaan Islam oleh masyarakat-masyarakat tempatan Nusantara, malahan merupakan bonus kepada penyemarakan syiar Islam dengan kewujudan daulah-daulah Islamiyyah, mulanya di sekitaran Kesultanan Peurlak kemudian berjangkit pula ke bahagian-bahagian lain di rantau ini.

Contohnya satu delegasi mubaligh termasuk Syeikh Abdullah Kanaan dan Meurah Johan telah dihantar untuk mengembangkan dakwah Islamiyyah ke Kerajaan Lamuri sehingga ditakdirkan Meurah Johan sendiri telah diangkat sebagai raja Lamuri dan kemudiannya melahirkan zuriat yang bakal menjadi raja-raja Kesultanan Aceh Darussalam yang hebat dan agung.

Para mubaligh Islam di rantau ini kebanyakannya adalah golongan ulama tasawuf yang bukan sahaja berperanan dalam menyebarkan dakwah, tetapi memberi didikan dalam ilmu-ilmu pengetahuan Islam mengikut aliran pemikiran ilmu tasawuf. Natijahnya, lahirah masyarakat Islam yang berorientasikan kerohanian dan batiniyah.

Antara yang terkemuka dalam kajian sejarah islamisasi Nusantara yang awal Syeikh Abdullah Arif yang datang ke Peurlak dalam tahun 1177 Masihi. Beliau merupakan anak murid kepada Sultanul awliya' Syeikh Abdul Qadir Jilani ((lahir 471 H/1079 M, wafat 561 H/1166 M). Kitab karangannya iaitu *Bahr al-Lahut* disebut sebagai manuskrip paling awal dijumpai di Alam Melayu ini.

Syeikh Abdullah Arif antara ulama tersohor zaman itu yang memberi pendidikan kepada masyarakat, ramai yang masuk Islam di tangannya dan menjadi anak muridnya sehingga mereka pula yang dihantar untuk menyebarkan dakwah Islamiyyah di pantai barat pulau Sumatera, iaitu di daerah Minangkabau.

Bermakna Peurlak bukan sahaja merupakan kota perdagangan yang maju di zamannya, bahkan menjadi pusat ilmu buat beberapa kurun sehingga masih bertahan di zaman Syeikh Hamzah Fansuri, seorang sasterawan sufi yang agung pada awal abad ke 17 Masihi.

Menurut Syeikh Hamzah Fansuri, Tanah Syahir Nuwi itu bukanlah tanah sebarangan kerana disamping mempelajari berbagai ilmu termasuk bahasa Arab dan Farsi, di tanah itulah hijab rohaniyatnya terbuka bagi mengenali dirinya yang sebenar serta mengenali Tuhannya. Syeikh Hamzh menemukan dirinya *thif al-ma'ani* (diri rohaniyyah) di bawah pimpinan syeikh-syeikh tarekat Qadiriyyah yang tinggal di Peurlak. Itulah yang dimaksudkan dalam suatu bait puisinya '*mendapat wujud di Tanah Syahir Nuwi*⁴'.

Kesimpulannya, pada Kesultanan Peurlak tertancap benih-benih Islam yang dibaja subur di bawah pertanggungjawaban alim-ulama sufi, sambung menyambung memegang obor-obor Islam, sehingga dari benih-benih suci yang tersemai ini kelak melahirkan pusat-pusat pancaran Islam yang lain seperti Samudera-Pasai, Aceh Darussalam, malahan menjangkau ke Semenanjung Tanah Melayu, selatan Siam, Pulau Jawa dan Sulawesi.

Belakangan, antara zuriat daripada dinasti Peurlak adalah Sultan Malikus Saleh yang menjadi raja di wilayah Samudera-Pasai dalam abad ke 13 Masihi. Tentang pemerintah ini, telah mendapat perhatian daripada Tuan Guru Hj Wan Mohd Shaghir yang terkenal dengan kajiannya tentang sejarah, salasilah dan ajaran alim-ulama Nusantara yang silam. Beliau menyebut:

“ Mengenai pendidikannya, penulis telah menemui salasilah pertalian daripada guru ke murid dalam sebuah manuskrip yang berjudul Najmul Huda karangan Muhammad Yusuf bin Abdul Karim Hindi. Manuskrip tersebut, penulis memperolehnya di Kemaman, Terengganu pada Julai 1998 yang sebelumnya dimiliki oleh Syeikh Ahmad bin Syeikh Abdullah. Kandungan keseluruhan manuskrip ialah mengenai akidah dan tasawuf. “

⁴Bagaimanapun sesetengah pengkaji yang lain berpendapat bahawa tanah Syahir Nuwi yang dimaksudkan oleh Syeikh Hamzah Fanzuri dalam bait puisinya itu terletak di Patani, selatan Siam. Antara yang berpegang pada pendapat ini ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Drs. Abdur Rahman Al-Ahmadi.

*“ Dalam manuskrip tersebut, dinyatakan bahawa **Sultan Malikush Shaleh menerima ilmu daripada Hamad Akhbar.** Pertalian daripada Hamad Akhbar berasal daripada Syeikh Syibli, berketurunan daripada Yunus ibnu Malik hingga sampai kepada Saiyidina Ali. Pada halaman yang sama, disebutkan pula bahawa penurunan ilmu daripada Sultan Malikush Shaleh kepada Sultan Ismail, turun kepada Zainal Abidin, turun kepada Sidi Ali, dan masih berhubung terus sehingga kini⁵. “*

Catatan di atas jelas merujuk Sultan Malikus Saleh sebagai seorang pengamal tasawuf yang mempunyai sanad perguruan. Setelah kemangkatan baginda, pemerintahan diteruskan oleh putera dan cucunya Sultan Malikus Zahir I dan II. Pengembara Islam yang masyur Ibnu Batuttah, yang berpeluang mengunjungi Kesultanan Samudera-Pasai dalam tahun 1345 dan 1346 pernah mencatatkan pengalamannya dengan sang pemerintah:

“ Sultan Al-Malikuz Zahir dari golongan raja-raja yang mulia dan bermurah hati, berpegang dengan mazhab As-Syafiee, kasihkan alim-ulama yang datang ke majlisnya untuk membaca dan muzakarah; dan baginda banyak berjihad, sangat merendah diri, datang berjalan kaki untuk bersolat Jumaat dan penduduk negerinya berpegang dengan Mazhab Syafiee dan suka berjihad. Mereka itu keluar dengan sukarela bersama-samanya; mereka itu mendapat kemenangan di atas orang-orang kafir yang berhampiran, dan orang-orang kafir membayar jizyah kepadanya.”

Daripada catatan Ibnu Batuttah yang panjang lebar tentang pengalamannya menjadi tetamu Kesultanan Pasai, jelas bahawa di zaman kemuncaknya, wilayah ini dibanjiri ramai alim-ulama, wujud juga para penulis dan penyair yang diberikan kemuliaan serta penghormatan tinggi. Perkembangan ilmu dan sastera yang digerakkan dalam majlis-majlis keilmuan dan kebudayaan sudah tentu memerlukan kitab-kitab yang digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Pada masa ini kitab-kitab tersebut adalah diperolehi daripada alim-ulama, khususnya dari 'atas angin' (mubaligh-mubaligh Arab), yang mana sebahagiannya kemudian telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.

⁵<http://ulamanusantara.blogspot.com/2007/10/malikush-shaleh.html>

Kegiatan penulisan dan penterjemahan kitab-kitab Arab di rantau ini sudah bermula lebih awal, setidaknya-tidaknya semenjak abad ke 13 Masihi di zaman berkembangnya Kesultanan Samudera-Pasai. Bahasa Arab merupakan bahasa kedua terpenting selepas Bahasa Melayu selain menjadi bahasa al-Quran yang dipelajari dan berkembang dengan pesatnya di rantau ini. Sebagai bukti penulis *Sejarah Melayu*, iaitu Tun Seri Lanang telah mencatatkan bahawa semua orang di Samudera-Pasai tahu berbahasa Arab.

Keunggulan, kepesatan dan kemajuan tamadun serta budaya Kesultanan Samudera-Pasai telah mampu mengerakkan dakwah Islamiyyah ke negeri-negeri lain di sekelilingnya sehingga pada abad ke 14 Masihi Islam telah dapat berkembang di sepanjang pantai Sumatera, masuk ke daerah-daerah pedalaman seterusnya menyeberangi persisiran pulau-pulau lain sampai masuk ke pusat perniagaan yang penting di utara Semenanjung Tanah Melayu, iaitu di Kedah dalam era pemerintahan Sultan Zainal Abidin Bahiyah Syah (1346-1406M). Dari Kedah dapatlah digerakkan para pendakwah ke daerah-daerah pedalaman di Semenanjung Tanah Melayu, contohnya di Terengganu sebagaimana yang telah diukir dengan tulisan jawi di Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh tahun 1326 atau 1386 Masihi.

Sultan Zainal Abidin juga telah bertanggungjawab menghantar dua orang mubaligh tersohor ke daerah Jawa dan Sulawesi pada tahun 1395, iaitu Maulana Malik Ibrahim dan Maulana Ishak yang bergelar Syeikh Awwalul Islam.

Malahan di zaman berkembangnya empayar Melaka yang agung dan gemilang itu, Kesultanan Pasai memainkan peranan penting sebagai tempat rujukan agama dan peradaban Melaka. Apatah lagi raja-raja dan bendahara-bendahara Melaka mempunyai hubungan darah dan persaudaraan yang erat dengan raja-raja Samudera-Pasai, bermakna kesultanan tersebut mempunyai saham yang tinggi dalam sejarah perkembangan islamisasi yang digerakkan oleh Kesultanan Melaka dalam seluruh jajahannya yang luas itu bermula awal abad ke-15 Masihi.

3.

Perkembangan Ilmu Tasawuf di Nusantara

Dr Hamka dalam bukunya *Sejarah Umat Islam* telah mencatatkan bahawa: “ *Menjadi kepercayaan dan pegangan turun temurun dalam sejarah pada seluruh negeri-negeri Melayu, bahawasanya mereka menerima Islam dari Arab, atau dari seorang Syeikh atau seorang Sayyid atau seorang waliullah dari Arab... peranan orang Arab amat besar dan tidak mudah dibungkus-bungkus demikian saja dalam penyiaran agama Islam di negeri-negeri Melayu. Prof Snouck Hurgronje salah seorang pelopor yang amat penting..., beliau pun tidak dapat mengelakkan pengakuan bahawasanya pengaruh Arab atau Mekah atas kehidupan Islam di pulau-pulau ini sangatlah kuatnya. Lebih kuat daripada di Turki, atau Hindustan, ataupun di Bukhara sendiri.....*”.

Ringkasnya, sejarah perkembangan awal Islam di rantau ini telah memperlihatkan pendidikan ilmu dan tarbiyah ruhiyyah terletak dalam tangan ramai alim-ulama berketurunan Arab, khususnya daripada zuriat Rasulullah ﷺ dari jazirah Arab seperti di Hijaz serta wilayah Hadhramaut di Yemen. Terdapat juga alim-ulama Arab yang datang ke Nusantara melalui India seperti di Surat, Koromandel dan Malabar. Dalam zaman belakangan, iaitu bermula dari abad ke 18 Masihi, barulah muncul tokoh-tokoh agama kelahiran tempatan seperti Syeikh Daud al-Fatani (1764-1847), Syeikh Abdul Samad al-Palembani, Syeikh Abdul Khatib Sambas, Syeikh Nawawi Banten (1818-1888), Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi (1864-1916) dan ramai lagi.

Pendidikan Islam yang dibawa oleh para ulama ‘atas angin’ pada zaman awal, yang kemudiannya diikuti oleh alim-ulama kelahiran tempatan pada zaman belakangan, adalah dengan menjadikan surau, masjid, rumah tok-tok guru agama, pondok dan madrasah sebagai platform untuk menyampaikan ilmu-ilmu agama serta mendidik masyarakat dengan lancar dan berkesan.

Dalam hal ini, institusi pengajian pondok⁶ amat sinonim dengan alim-ulama tempatan yang menjadi masyur melalui pondok naungan mereka sebagai tempat bertapak dan berbakti. Ketokohan seseorang ulama dilihat melalui kepimpinan serta kewibawaannya mengendalikan pondok asuhannya sehingga menjadi daya tarikan yang luas kepada masyarakat Islam.

Institusi pondok yang berkembang pesat dalam kesultanan-kesultanan Melayu tradisi, dikendalikan oleh alim-ulama serta tok-tok guru yang berilmu, berkaliber dan berwibawa telah berjaya melahirkan ramai tokoh-tokoh intelektual dengan pandangan alam yang luas dan dinamik. Tok guru-tok guru pondok yang tersohor ini menjadi penasihat dan pakar rujuk dalam permasalahan agama yang menjadi teras kepada segala aspek kehidupan zahir-batin masyarakat Islam Nusantara. Mereka mengikuti firqah Ahlus-Sunnah Wal Jamaah, iaitu pegangan Imam Asy'arie dalam bahagian iktiqad dan mengikuti ajaran Mazhab Syafiee dalam bahagian feqah. Kebanyakan mereka adalah alim-ulama sufi, iaitu pengamal tarekat-tarekat muktabarah yang diperakukan oleh dunia Islam zaman berzaman.

Natijahnya, secara langsung mahupun tidak, alim-ulama serta tok-tok guru ini memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik serta membentuk minda, aliran pemikiran, kejiwaan dan gerakerja Islam yang sefikir, sefirqah, seiring, selari dan sehaluan dalam masyarakat Melayu. Keadaan ini berlanjutan sehingga awal abad ke 20 Masihi, yang mana perkembangannya menjadi terencat dengan kemunculan sistem pendidikan sekular yang dibawa oleh penjajah Barat.

Metodologi pendidikan tok-tok guru ini adalah dengan mengajar kitab-kitab agama yang ditulis oleh tokoh-tokoh terkemuka Islam semenjak zaman *salafus soleh* atau ulama salaf dan khalaf. Pemesatan ilmu dan pendidikan Islam kemudiannya telah melahirkan tokoh-tokoh ulama tempatan yang menjadi penterjemah kitab-kitab Arab ke Bahasa Melayu (Jawi), selain mereka sendiri bertindak sebagai pengarang di zaman-zaman belakangan. Kitab-kitab ini dikenali juga sebagai '*kitab turath*' atau '*kitab-kitab kuning*'.

⁶ Di kepulauan Jawa dikenali sebagai pesantren, dayah serta meunasah di Aceh dan surau di Minangkabau

Maka gabungan kitab-kitab karangan alim-ulama dari golongan *salafus soleh* serta alim-ulama kelahiran tempatan inilah yang bersambung-sambung menjadi rujukan dalam institusi pondok, madrasah mahupun pengajian kecil-kecilan yang dibuat di masjid-masjid ataupun di rumah-rumah tok guru. Secara langsung kitab-kitab ini menjadi sumber yang amat penting dalam membina alam pemikiran, pandangan alam dan intelektualisme umat Islam di Nusantara lama.

Maklumat tentang kitab-kitab rujukan Islam serta nama-nama pengarangnya akan memperlihatkan kepada kita tentang fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah sebagai pegangan umat Islam di rantau ini, khususnya merujuk kepentingan Ilmu Tauhid Tasawuf yang diajar secara meluas.

Sebuah manuskrip tua bertajuk *Bahr al-Lahut* atau *Lautan Ketuhanan* karangan seorang pendakwah yang bernama Syeikh Abdullah Arif, muncul pada akhir abad ke 12 Masihi⁷. Beliau dikatakan pernah berguru dengan al-Sultanul Awliya' Syeikh Abdul Qadir al-Jailani (1079-1166), pendiri tarekat Qadiriyyah yang amat masyur dan dimuliakan itu yang berasal dari keturunan *Sayyidina Hassan bin Fatimah binti Rasulullah* ﷺ.

Kitab *Bahr al-Lahut* disebut sebagai sumber rujukan terpenting di Alam Melayu dalam bidang Tasawuf dan Tauhid. Doktrin Nur Muhammad dan konsep '*insanul kamil*' yang terkandung dalam kitab tersebut tersebar secara meluas di dalam kitab-kitab Jawi sehingga menular ke alam pemikiran massa Melayu. Kitab *Kasyaf al-Ghaibah fi Ahwal Yaum al-Qiyamah* karangan Syeikh Zainal Abidin Muhammad al-Fatoni dan kitab *al-Kaukab al-Durr fi al-Nur al-Muhammadi* oleh

⁷Syeikh Abdullah Arif yang telah datang ke Pasai juga sentiasa membawa bersamanya kitab *Ihya Ulumuddin* karangan Imam al-Ghazali, merujuk kepada pengaruh al Ghazali di Nusantara seawal abad ke 11 Masihi. Rujuk Kamis bin Ismail. 2003. *Shiah dan Pengaruhnya dalam bidang Politik dan Tasawwuf Falsafah di Alam Melayu*, Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. hlm 162.

Muhammad bin Ismail Daud al-Fatoni adalah antara kitab kuning yang menurut ajaran yang terkandung dalam kitab *Bahr al-Lahut* itu.

Dalam hal ini disebut juga bahawa Kesultanan Melaka pernah menjunjung sebuah kitab tasawuf berjudul '*Insanul Kamil*' atau '*Insan yang Sempurna*' karangan salah seorang anak cucu Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, iaitu Syeikh Abdul Karim al-Jili. Pengajian kitab *Fusus al-Hikam* karya Ibnu Arabi, serta kitab *Darul Manzum* karya Maulana Abu Ishak juga wujud, yang membicarakan tentang Tasawuf Falsafah serta Usuluddin. Wujud juga kitab Tasawuf Sunni berjudul *al-Luma*' karya Abu Nasir As-Suraj⁸. Bagaimanapun di Melaka semua kitab masih dalam Bahasa Arab.

Salah seorang ahli Wali Songo yang masyur di Jawa, iaitu Sunan Bonang, atau nama sebenarnya Maulana Makhdum Ibrahim, telah menempa nama sebagai mubaligh tersohor yang menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelosok kepulauan Jawa. Pernah menjadi imam resmi yang pertama bagi Kesultanan Demak selain menjawat jawatan sebagai pegawai tertinggi.

Sunan Bonang dikatakan menyusun naskhah-naskhah Primbon, yang mana banyak bersumber dari kitab *Ihya Ulumiddin* karya Al-Imam Hujjatul-Islam Imam al-Ghazali serta *Talkhish al-Minhaj* karya Imam Nawawi, selain ditemukan juga sumber Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Secara am, naskhah-naskhah Primbon ini boleh dirujuk sebagai sumber pemikiran Wali Songo yang menular dan meresap di kepulauan Jawa kerana Wali Songo terkenal sebagai mubaligh-mubaligh sufi yang bertebaran di tempat-tempat tersebut.

Karya tasawuf berbahasa Melayu paling awal dipercayai pada zaman Aceh, yang mana kitab-kitab karangan Syeikh Hamzah Fansuri dianggap karya tertua dan terawal dalam bidang tasawuf. Beraliran

⁸Satu sumber mencatatkan bahawa kitab himpunan salawat & doa, *Dalailul Khairat* karangan Syekh Muhammad bin Sulaiman al-Jazuli (w. 872 H) juga telah dijumpakan pada jasad para syuhada yang berperang melawan Portugis di Melaka dalam tahun 1511, merujuk kepada pengamalan kitab yang masyur ini.

Wahdatul Wujud seperti *Asrar al-Arifin*, *Sharab al-Asyikin* dan *al-Muntahi*. Aliran *Wahdatul Wujud* amat berpengaruh di kalangan orang atasan di istana Aceh, termasuk Syeikhul Ulama pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636), iaitu Syeikh Shamsuddin al Sumatrani. Wujud juga risalah-risalah tasawuf beraliran Wahdatul Wujud di era tersebut tanpa diketahui nama penciptanya.

Keberadaan Syeikhul Islam di zaman Sultan Iskandar Thani (1636-1641), iaitu Syeikh Nuruddin ar-Raniri yang menganggap doktrin *Wahdatul Wujud* adalah menyeleweng, telah mengarang lebih 30 buah kitab, antaranya bertujuan untuk membasmi fahaman *Wahdatul Wujud* di dalam kesultanan Aceh. Antara karya Syeikh Nuruddin adalah *Tibyan fi Ma'rifat al-Adyan*, *Jawahir al-Ulum*, *Shawarim al-Siddiq*, *Hajjat al-Siddiq li Da'f al-Zindiq* dsbnya.

Belakangan muncul pengaruh fahaman Tasawuf Sunni, khususnya dari karya Imam al-Ghazali. Namun sebelumnya, pengenalannya telahpun wujud dalam bentuk Tarekat Shaziliyah yang dianggap lanjutan dari aliran al-Ghazali. Pendokong tarekat tersebut, iaitu Imam Ibnu Attoillah as Sakandari (1309), telah mengarang kitab *Matan Hikam* yang sangat tinggi hikmah dan intuisi tetasawufan.

Syarah *Matan Hikam* dalam Bahasa Melayu merupakan karya Tasawuf Sunni yang pertama di Alam Melayu. Dijudulkan sebagai Hikam Melayu, dan dikarang pada akhir abad ke 17 Masihi oleh Tokku Pulau Manis di Terengganu. Kitab *Syarah Matan Hikam @ Hikam Melayu* disebut sebagai kitab Tasawuf Sunni yang membuka jalan ke arah mendalami tasawuf Imam al-Ghazali yang beraliran *ubudiyah-rohaniyah*.

Kitab Tasawuf Sunni yang langsung disadur daripada karya-karya Imam al-Ghazali bermula pada akhir abad ke 18 Masihi. Ulama yang bertanggungjawab mengketengahkan karangan al-Ghazali secara saduran adalah Syeikh Abdul Samad al-Falembani yang mengarang kitab *Siyarus Salikin* (1789), menyadur dari *Ihya Ulumuddin*. Karyanya *Hidayatus Salikin* yang disadur dari kitab al-Ghazali berjudul *Bidayatul Hidayah*.

Penyaduran karya-karya al-Ghazali berlarutan di kalangan ulama Patani. Antaranya Syeikh Wan Daud Patani menyadur kitab *Minhajul Abidin*, dengan memberikan judul yang serupa. Terkandung pada kitab ini konsep Gunung Tujuh (*al-'Abaqat al-Sab'ah*), iaitu proses pendakian ke arah mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat. Tujuh elemen tersebut adalah Ilmu, Taubat, Penghalang, Godaan, Pembangkit, Pencela, Puji dan Syukur.

Karangan Syeikh Daud ini tersebar luas sehingga memantapkan lagi pendekatan tasawuf Imam al-Ghazali di Alam Melayu sehingga ada ulama terkemuka dunia masakini yang menyatakan bahawa pemerhatiannya dari dahulu tentang masyarakat Nusantara memperlihatkan wujudnya 'roh al- Ghazali'⁹ !!

Diketengahkan juga beberapa lagi tokoh ulama dan kitab-kitab karangan mereka sebagai dalil kukuh tentang fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah yang diajar secara meluas di Nusantara ini, baik dari aspek Tauhid, Fiqh dan Tasawufnya.

Al-Imam al-Allamah as-Sayyid Abdullah bin Alawi bin Muhammad al-Haddad yang muncul dalam abad ke 16 Masihi di Hadhramaut, meninggalkan banyak karya-karya yang menjadi ikutan masyarakat Nusantara. Antara kitabnya yang masyur ialah *Sabilul-Iddikar*, *Al-Fushul al-Ilmiyyah*, *An-Nasha'ih ad-Diniyyah*, *Ad-Da'watut-Tammah*, *Risalatul Muzakarah*, *Adab Sulukil-Murid*, *Akidatul-Islam*, *Ithafus-Sa-il* dan banyak lagi.

Banyak daripada karya-karya Imam Abdullah al-Haddad ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia dan Melayu (jawi dan rumi), tersiar luas, dibaca dan diajarkan di pesantren-pesantren, majlis-majlis taklim dan sebagainya. Doa-doa, zikir dan wirid yang dibukukan, bersumber dari al-Quran dan Hadeeth Rasulullah ﷺ, antara yang terkenal ialah Ratib al-Haddad, dibaca di rumah-rumah, masjid-masjid dan surau-surau di Indonesia, Malaysia dan Singapura sehingga pada hari ini.

⁹ Hal ini diungkapkan oleh Syeikh Muhammad bin Yahya al-Ninowy dalam program RIS Convention yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 4-5hb March 2017 lepas

Sayid Salim bin Abdullah Ba Sumayr menulis sebuah kitab masyur bertajuk *Safinat al-Najah* yang memfokus pada perundangan Islam dan lima rukun Islam. Kitabnya disebarakan secara meluas di Hadhramaut dan Indonesia. Dikatakan bahawa kitab tersebut digunakan sebagai buku teks dalam perundangan Islam di sekolah-sekolah agama seluruh Indonesia sehingga menerbitkan 4 edisi, iaitu dalam Bahasa Arab, Melayu, Jawa dan Sudan¹⁰.

Sayyid Muhammad bin Zainul Abidin al-Aidruss yang lebih dikenali sebagai Tokku Tuan Besar, menjadi Syeikhul Ulama Terengganu dalam masa pemerintahan Sultan Baginda Umar (1831 dan 1839-76) *Kanz al-awliya, al-Jawahir al-Saniyya, Tahliyat al-Wildan, Mukhtasar, Fiqh Sullam Al-Tawfiq, Targhib al-Sibyan, al-Sira al-Nabawiyya dan al-Durra al-Fakhira*. Kitab-kitabnya digunakan secara meluas dalam Kesultanan Terengganu sehinggakan beliau dikenali sebagai *ahl al-qalam wa-l kalam*.

Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatoni, seorang ulama Patani yang masyur dalam abad ke 18 Masihi mengarang lebih 60 buah kitab yang menjadi kitab-kitab rujukan bagi pelajar-pelajar agama tradisional di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Antaranya termasuk *Tanbihul Ghafilin, Bulugh al Maram, 'Aqidat al Jawahir, Fathul-Manan, Manhalus Syafi* dan banyak lagi. Kitab *Kifayatul Muhtaj* dibaca oleh dalam bulan Rejab ketika upacara Isra' Mi'raj¹¹.

Nama-nama di atas hanyalah sekelumit dari para ulama yang menuangkan jasa yang besar sebagai guru-guru agama di Nusantara ini, yang mana menjadi sumber ilmu, pandangan alam, aliran pemikiran, kerohanian serta amalan masyarakat Islam sejak zaman

¹⁰ Ulrike Freitag and William G-Clarence-Smith, *'Hadhrami Traders, Scholars and Statesment in the Indian Ocean (Makalah Prof A.Hasjmy dan Prof Madya Dr Wan Hussein Azmi dalam Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh, 10 Julai, 1978)*, hlm 156 dan 195, cetakan 1, 1981, Alma'arif Bandung

¹¹ Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah, *'Hubungan Ulama Patani dan Kedah: Kekeluargaan, Pertalian Ilmu dan karya, Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman : Islam di Kedah Darul Aman, Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1996, hlm 15. Rujuk juga karya penulis, 'Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara'*.

berzaman. Maka fikir, fi'il dan jalan atau tarekat masyarakat tempatan juga adalah menurut jejak mahupun panduan yang bersumber daripada golongan alim-ulama ini.

Fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah menjadi pegangan kesultanan-kesultanan Nusantara sehingga ada pemerintah yang mengambalnya sebagai dasar resmi kerajaan. Contohnya pada 12 Rabiulawal 913 Hijrah Paduka Sri Sultan 'Alaiddin Johan 'Ali Ibrahim Mughayat Syah dari Kesultanan Aceh telah mengisytiharkan dasar kerajaan, disebut sebagai Pohon Kerajaan sebagaimana berikut:

“ Bahawasanya kita semua satu negeri bernama Aceh,... yakni satu negeri, satu bangsa dan satu kerajaan, dan satu alam (bendera) dan satu ajaran yakni Islam dengan mengikut syariat Nabi Muhammad ﷺ atas jalan ahlussunnah waljamaah r.a.....Sekelian hukum syara' dalam negeri Aceh diwajibkan memegang atas jalan Mazhab Syafiee r.a didalam sekelian hal ehwal syara' syariat Nabi Muhammad ﷺ, maka mazhab yang tiga itu apabila mudarat maka dibolehkan dengan cukup syarat, maka dalam negeri Aceh yang sah sah muktamad memegang Mazhab Syafiee yang jadid ¹².”

¹² *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara, Sejarah dan Warisan*, Lembaga Muzium Negeri Pahang, Teuku Hj Ibrahim Alfian, *Kerajaan Aceh Darussalam: Sebuah Wacana Singkat*, 2005, hlm 395-397

4.

Tasawauf & Peradaban Nusantara

Menurut Prof. Syed Naquib al-Attas, adab adalah:

“Pengenalan serta pengakuan akan hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang, dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat, yang merupakan suatu hakikat yang berlaku dalam tabiat semesta.” **Pengenalan adalah ilmu; pengakuan adalah amal.** Maka, pengenalan tanpa pengakuan seperti ilmu tanpa amal; dan pengakuan tanpa pengenalan seperti amal tanpa ilmu.” *Keduanya sia-sia kerana yang satu mensifatkan keingkaran dan keangkuhan, dan yang satu lagi mensifatkan ketiadasedaran dan kejahilan,”* (SM Naquib al-Attas, Risalah untuk Kaum Muslimin, (ISTAC, 2001).

Sebagai contoh manusia yang beradab terhadap orang lain akan tahu bagaimana mengenali dan mengakui seseorang sesuai harkat dan martabatnya. Dalam masyarakat yang beradab, seorang penghibur tidak akan lebih dihormati berbanding golongan ulama dan terpelajar. Begitu juga seorang wanita fasik tidak seharusnya ditempatkan pada martabat lebih tinggi berbanding muslimat yang solihah. Ini antara contoh cabangan adab, sedangkan pokoknya adalah adab dalam erti kata menyeluruh, iaitu meliputi aspek zahir batin, atau kehidupan spiritual dan material seseorang. Menurut Syed Naquib al Attas lagi, orang yang benar-benar terpelajar menurut perspektif Islam adalah orang yang beradab kepada sesama manusia.

Proses awal islamisasi dan pembangunan peradaban Nusantara diambil tanggungjawabnya oleh mubaligh-mubaligh Arab, khususnya ahli-ahli sufi yang terkenal dengan sifat kesantunan, lemah lembut, berakhlak mulia, terang hati, berhikmah, serta mudah bergaul dengan berbagai lapisan masyarakat dari golongan atasan sehinggalah kepada fakir miskin. Melalui mereka Islam tersebar luas sehingga dijadikan panutan; ilmu, akhlak dan keperibadian mereka menjadi ikutan dan cedukan, menjadi kayu ukur dalam usaha pemerintah mentamadun serta memperadabkan umat Islam dengan nilai. jatidiri dan moraliti yang tinggi.

Ringkasnya, sumbangan alim-ulama sufi dalam membentuk peradaban umat Islam di Nusantara, yang hakikatnya ditunjangi oleh ciri-ciri kerohanian yang tinggi telah dapat dimenifestasi pada sisi-sisi kehidupan masyarakat Melayu sehingga terkenal seantero dunia dengan sifat akhlak yang baik, bersopan santun, berbudi bahasa serta penuh dengan adat budaya yang mesra Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Berikut merupakan sebahagian contohnya:

Peribahasa Melayu

Peribahasa merupakan susunan perkataan pendek yang mempunyai maksud tertentu. Peribahasa digunakan untuk memberi pengajaran atau teguran dengan cara yang sopan serta halus. Dalam lain makna, pada peribahasa terkandung elemen yang tersurat dan yang tersirat. Yang tersurat adalah 'wajah Melayunya', dan yang tersirat adalah ajaran Islamnya khususnya perkara adab dan akhlak mulia. Antara contoh:

Jangan bercermin di air keruh.

(Islam mengajar mengambil ilmu biarlah dari guru yang benar)

Bumi mana tidak ditimpa hujan.

(Islam mengajar bahawa di dunia ini ada masa Allah akan menguji hamba-hambaNya)

Habis akal baru bertawakkal.

(Islam mengajar kita untuk berikhtiar dahulu, kemudian baru bertawakkal)

Cubit peha kiri peha kanan terasa.

(Islam mengajar ummah itu spt sebadan, sakit satu anggota, sakit semua)

Ikut resmi padi, makin berisi semakin tunduk.

(Islam kata semakin berilmu, semakin bertawadhu')

Bagai menarik rambut di tepung, rambut dapat, tepung tidak berselerak.

(Islam sangat menekankan perkara adab, akhlak dan hikmah)

Biar lambat asal selamat.

(Islam kata bersabar, di hujung kesabaran adalah kejayaan)

Lagi nasihat daripada nenek moyang kita dahulu:

'Pakaian Anak Melayu'

1. Tahu asal mula jadi, tahu berpegang pada Yang Satu.
2. Tahu membalas budi.
3. Tahukan bodoh diri.
4. Tahu diri.
5. Menang dalam kalah.
6. Tahukan malu.
7. Merendah menjunjung tuah..
8. Berbaik sangka.
9. Sifat Yang Pucuk.

Dan ini kepantangan leluhur kita:

'Pantangan Anak Melayu'

1. Membelakangi syarak
2. Durhaka kepada orang tua
3. Membuang adat lembaga
4. Berlengah-lengah
5. Makan menghabiskan (makan tak ingat orang belakang)
6. Bercabang lidah
7. Bermegah-megah
8. Membabi buta
9. Lupakan hutang
10. Berburuk sangka
11. Muka tebal atau tebal muka
12. Mencampakkan beban di bahu
13. Menggunting dalam lipatan
14. Menjala angin (pekerjaan sia-sia)

Nilai-nilai kemelayuan yang dibentangkan di atas merupakan olahan daripada tuntutan agama Islam terhadap individu. Ia juga menggambarkan jatidiri Melayu yang murni & mantap.

Konsep Budi

Masyarakat Melayu tradisional dikaitkan sebagai bangsa yang mempunyai nilai kerohanian yang tinggi. Lima ciri-ciri membentuk pokok keperibadian atau jatidiri orang-orang Melayu iaitu budi, rendah diri, redha, sabar dan syukur.

Konsep 'budi' yang banyak digunakan dalam peribahasa Melayu memberikan beberapa makna. Antaranya intelektualisme. Umpama istilah 'akal budi' iaitu minda yang sihat dan mempunyai '*common sense*', adab baik seperti sikap berterima kasih dalam pantun '*pisang emas bawa belayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati*'. Begitu juga peribahasa '*orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa*'. Lain makna ialah dari aspek moral iaitu 'budi pekerti', 'budi-bahasa' dan 'budiman' iaitu seseorang yang mempunyai akhlak sufi pada dirinya.

Kelima-lima sifat yang berkaitan dengan akhlak dan jatidiri Melayu iaitu ciri budi, rendah diri, sabar, redha dan syukur sebenarnya adalah bunga atau natijah daripada amalan tasawuf.

Contoh yang lain merujuk kepada catatan manuskrip-manuskrip Melayu Jawi zaman dahulu, khususnya yang berkaitan dengan ajaran Islam. Pada manuskrip-manuskrip ini tidak tercatat maklumat nama pengarang, penyusun ataupun penterjemahnya. Penulisnya menyembunyikan identitinya dengan menggantikan sebagai '*faqir yang hina*', '*faqir yang dhaif*' atau '*al-faqir*' semata-mata. Hal ini berkaitan dengan pengaruh peradaban Islam, yang menuntut umatnya bersifat *tawaduk*. Apatah lagi jikalau pengarangnya seorang ahli tasawuf yang mengamalkan sifat *zuhud*, iaitu tidak suka menonjolkannya dirinya, mencari nama dan populariti. Kerana ianya boleh menjerumus kepada sifat keji seperti *riak* dan *takabbur*.

Terkait bahasa Melayu yang memperlihatkan peradaban kesufian adalah menggunakan perkataan yang berbeza pada martabat berbeza: contohnya 'Firman', 'Sabda', 'Titah', 'Kata'. 'Firman' adalah khusus untuk Allah, 'Sabda' untuk Rasulullah ﷺ, 'Titah' untuk Sultan dan 'Kata' untuk orang awam. Begitu juga penggunaan istilah 'Hamba', atau 'Sahaya' (singkatan daripada hamba sahaya), jelas merujuk kepada pengaruh tasawuf dalam kehidupan masyarakat Melayu silam.

Menyantuni Golongan Umara, Orang Tua- tua & Tok Guru

Orang Melayu telah dididik untuk beradab dengan golongan yang Allah s.w.t telah meninggikan martabat mereka di dunia, seperti raja dan pemimpin, tok guru, ibu bapa dan orang tua-tua yang lain. Contohnya, seorang sultan yang dijoloki dengan gelaran '*zilullah-fil-ard*' yang bermaksud 'bayangan Allah di muka bumi ini' akan diberikan kemuliaan setimpal dengan martabat dunianya, yang diterjemah dalam sikap, akhlak dan penghormatan yang diberikan oleh rakyat jelata.

Kemuliaan dan penghormatan yang diberikan oleh masyarakat Melayu kepada orang tua-tua mereka juga sejajar dengan didikan tasawuf dan akhlak mulia. Contohnya, memberikan nama ganti kepada orang tua-tua seperti mak, ayah, datuk, nenek, mak long, pak long, pak ngah, makcik, pakcik, kakak, abang dan sebagainya. Orang muda-muda juga tidak akan melintas di 'mua orang tua-tua', kalau terpaksa juga perlu memohon maaf dan jalan membongkok, tunduk sedikit serta tangan dikebawahkan. Orang muda juga ditegah daripada mencelah bila orang tua-tua sedang bercakap dan tidak boleh meninggikan suara apabila bercakap dengan orang tua-tua.

Adat lain adalah mencium tangan orang tua-tua di kalangan keluarga apabila bertemu dan berpisah, menjaga mereka dengan penuh kelembutan dan kasih sayang di kala uzur, sentiasa mendoakan dan menziarahi kubur orang tua-tua dan banyak lagi adat yang menonjolkan didikan tasawuf dalam hal menyantuni orang tua-tua.

Penghormatan dan kemuliaan juga dituntut daripada anak murid yang mengambil didikan dan tarbiyah ruhiyah daripada mursyid dan tok guru-tok guru mereka. Kebanyakan adat dalam menyantuni

orang tua-tua dari kalangan keluarga juga dituntut dalam hal menyantuni mursyid dan tok guru.

Satu lagi contoh ialah kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang amat mengambil berat tentang pembinaan surau, masjid mahupun sekolah-sekolah pondok sebagai pusat dan paksi tumpuan pengajian serta aktiviti-aktiviti agama termasuk amalan-amalan tarekat. Masa malam dihabiskan dengan bertahajjud dan berzikir, mengamalkan wirid, ratib dan hizb, bangun di awal pagi untuk bersolat dan mengaji, sesekali mereka akan mengikuti program-program suluk yang dikendalikan oleh tok-tok guru tarekat, selain berkhidmat dan berbakti kepada sultan dan alim-ulama sebagai yang dititik beratkan dalam ajaran Islam.

Tauhid Tasawuf Dalam Binaan Anak Tangga Rumah Melayu tradisional

Terdapat banyak makna yang tersirat dalam senibina dan ragam hias buatan orang Melayu terdahulu, termasuklah perihal bilangan anak tangga rumah tradisional, samada 5, 7 atau 9 anak tangga. Sebagai contoh, bilangan 5 anak tangga merujuk pada Rukun Islam atau lambang bagi makam-makam nafsu diri, 7 anak tangga merujuk pada Martabat Alam, Petala Langit dan Bumi, atau Tingkatan Syurga, sementara bilangan 9 anak tangga pula merujuk pada 'Wajah Diri' yang hanya boleh dihuraikan oleh mereka yang mendalami Ilmu Tauhid Makrifat.

Tempayan dan betok atau pencedok air yang diletakkan bersebelahan anak tangga paling bawah juga mengandungi makna tersirat: Tempayan diperlambangkan sebagai '*perbendaharaan yang tersembunyi*' (terhimpun sekalian jadi), manakala air di dalamnya diperlambangkan sebagai '*ilmu*'. Betok melambangkan '*pencari ilmu*' (yakni tuan rumah). Perbuatan mencedok air itu diibaratkan seperti '*menimba ilmu*'. Membersihkan kaki merupakan lambang betapa ilmu itulah yang akan menyuci diri. Kemudian, langkah menaiki anak tangga simbolismenya seperti berikut:

Anak tangga pertama:

Nafsu Ammarah iaitu nafsu yang mendorong seseorang melakukan maksiat. Ditinggalkan makam (persinggahan) nafsu ini, naik ke:

Anak tangga kedua:

Nafsu Lawwamah iaitu pada makam nafsu yang masih terdorong Ammarah tetapi mula mencela perbuatan maksiat.

Anak tangga ketiga:

Nafsu Mulhannah iaitu pada makam nafsu yang mendorong berbuat baik.

Anak tangga keempat:

Nafsu Mutmainnah iaitu pada makam nafsu yang tenang, tidak bergundah dan menyerahkan diri kepada Allah

Anak tangga kelima:

Nafsu Radhiah iaitu pada makam nafsu yang redha pada Allah dalam segala-galanya.

(Ada yang menyebut selepas Radhiah ada Mardhiah dan terakhir ialah Kamilah).

Pada ketika memasuki rumah, maka digambarkan inilah hakikat sebenar yang perlu dicapai insan (simbol tuan rumah) yakni untuk menjadi sebaik-baik manusia. Namun bukanlah dikatakan perbuatan menaiki anak tangga itu menjadi asbab penyucian jiwa seseorang, tetapi sebagai peringatan kepada orang Melayu supaya sentiasa ingat kepada hakikat diri dan ketuhanan.

Tasawuf dalam Persilatan

Sejarah islamisasi Nusantara juga turut melibatkan ilmu dan amalan persilatan yang bersangkutan dengan aqidah, ibadat serta pembinaan akhlak. Alim-ulama yang mengajar persilatan akan memperturunkan aurad dan wirid yang sesuai dengan keperluan kerohanian pesilat melalui riadah yang bersumber kepada tarekat-tarekat beraliran Ahlus Sunnah Wal Jemaah seperti Ahmadiyah, Naqsyabandiyah, Qadiriyyah, Shaziliyyah dan sebagainya, lalu terbuka hijab pesilat sehingga dapat melihat kebesaran Allah dengan biji matanya sendiri.

Usaha para ulama berhasil memurnikan amalan kebatinan dalam ilmu persilatan Melayu dengan kerohaniyan Islam yang suci bersih berteraskan Tauhid Tasawuf, hatta elemen besi dalam alat-alat persenjataan yang digunakan dalam perang jihad fi sabilillah juga akan diwiridkan dengan wirid-wird yang sesuai bagi 'menghidupkan' senjata tersebut untuk memerangi pihak musuh.

Dalam buku *Kuala Lumpur Milik Siapa* yang dikarang oleh Mohamed Azli Mohamed Azizi, beliau mencatatkan tentang peristiwa Perang Bukit Nenas di Kuala Lumpur yang berlaku pada akhir abad ke 19 Masihi. Menurutnya:

“ Waktu Maghrib adalah waktu gencatan senjata atau waktu berhenti perang pada zaman dahulu antara semua pahlawan-pahlawan Melayu yang sedang berperang. Waktu ini juga digunakan oleh pahlawan-pahlawan Melayu untuk berwirid dan berzikir bagi memperkuatkan ketahanan diri. Pasukan Jihad Padri dengan wirid Tarikat Naqsyabandi, sesetengah pahlawan dengan wirid Qudratullah. Ada yang mengamalkan Tarikat Saman. Masing-masing sibuk berwirid dan berzikir bagi memperkuatkan ketahanan diri. “

Kesimpulannya;

‘Yang Empunya Cerita adalah yang Empunya Cipta’. Sesungguhnya menifestasi Tauhid Makrifat dan Tasawuf Akhlak telah banyak tercermin atau disuratkan dalam identiti, jatidiri serta pengalaman sosio-budaya masyarakat Nusantara zaman berzaman. Ciri bumbung tiga lapis pada masjid, perlambangan kudup bunga teratai dalam ragam hias, bilangan tempat butang baju Melayu, poket baju Melayu dan banyak lagi antara contoh-contoh yang umum. Ini belum termasuk elemen bahasa dan adat budaya yang memperlihatkan fenomena yang sama.

Maka amalan tasawuf/tarekat telah menghasilkan identiti serta jatidiri masyarakat Nusantara tradisi yang mempunyai tahap kerohanian yang tinggi, sebagai contoh istilah ‘bangsa Melayu’ itu sendiri dikaitkan sebagai bangsa ‘*nafi isbat*’. Ianya dapat menjelaskan semangat kecintaan serta ketaatan agama yang tinggi serta sifat orang-orang Melayu yang suka berpusat dan berpaksi kepada ajaran dan amalan Islam sehingga pernah tercetus ungkapan ‘Melayu itu Islam’.

Sehingga beratus-tahun tahun usaha kristianisasi yang digerakkan oleh penguasa-penguasa Barat diakui mereka sendiri sebagai telah gagal. Menurut seorang Gabenor British, Frank Sweetenham: “*Pendakyah-pendakyah Kristian dari semua mazhab telah berputus asa*

ke atas bangsa Melayu (yakni untuk memurtadkan mereka kepada agama Kristian).”

Demikian serba sedikit tentang peranan Tauhid Tasawuf dan jejaknya dalam pengalaman pembangunan peradaban Nusantara di masa lalu, maka wujud keperluan untuk membangunkan kembali pendidikan umat Islam akhir zaman ini berteraskan ciri Tauhid Tasawuf yang merupakan ilmu akar tradisi bangsa, khususnya dalam institusi-institusi pendidikan sekaligus membangkitkan kembali semangat kehidupan bertauhid tasawuf yang akan menjamin kekuatan generasi umat Islam di masa hadapan

Intaha

Bibliografi

Dr Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia & Alam Melayu*, 1986

Hj. Wan Md Saghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Salasilah Ulama Sejagat Dunia Melayu, Jilid 4*, 1999

Syed Muhammad Naquib al Attas, *Some aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays*, Malaysian Sociological Research Institute Ltd, Singapore 1963

Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Penyebaran Tariqat-Tariqat Sufiyah Muktabarah di Dunia Melayu*, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 200M

Shafie Abu Bakar, *Persuratan Melayu: Pengucapan Tamadun Islam, Tamadun Islam di Malaysia*, (peyelenggara Mohd Taib Othman & A Aziz Deraman), DBP, 2000

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Hj Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja; Suatu Pendekatan*, 1998

Abu Bakar Abdullah, *Kearah Perlaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia :Masalah dan Penyelesaiannya*, 1986

Prof Dr. Hamka, *Sejarah Umat Islam*, 1997

Auni Abdullah, *Islam dalam Sejarah Politik & Pemerintahan Alam Melayu*, 1991

Abdul Latiff Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun*, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Kerajaan Negeri Melaka, 2001

Prof Sayyid Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Facts and Fictions*, Universiti Teknologi Malaysia, 2011

Abd Latif Juffri@al-Jufri, *Pendekatan Dakwah Wali 9*, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2013

Mohd Syukri Yeoh Abdullah, *Zawiyah Dalam Lipatan Sejarah & Kebudayaan Alam Melayu*, UKM, 2011